



SYARAT-SYARAT PENYERTAAN *UTHM Mini Marathon 2024: Reflect, Relax & Run*

1. Tarikh : 19 Oktober 2024 (Sabtu)
2. Tempat permulaan/tamat : Padang kawad UTHM
3. Tarikh buka & tutup penyertaan : 10 Ogos 2024 – 1 Oktober 2024
4. Yuran penyertaan : RM 45.00 seorang
5. Pendaftaran dan pembayaran : UTHM Holdings Sdn Bhd
Amin : 011 1242 1185 (MPP)
Najihah : 019 488 4766 (UHSB)
6. Kategori/jarak larian
 - a. Lelaki terbuka (5.3 KM)
 - b. Wanita terbuka (5.3 KM)
7. Pendaftaran peserta dan pengambilan **Race Kit**

Tarikh	Masa	Tempat
17 Oktober 2024	9:00 am – 5:00 pm	Padang Kawad, UTHM
19 Oktober 2024	6:30 am – 7:00 am	Padang Kawad, UTHM (hanya dibuka setengah jam untuk peserta yang tinggal jauh)

Bukti pendaftaran yang perlu dibawa

- a. *iC peserta perlu ditunjukkan sewaktu tuntutan race kit*
- b. Health declaration form yang telah siap dicetak dan ditandatangani

Peserta diwajibkan mengisi HEALTH DECLARATION FORM

8. Maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap akan menyebabkan peserta hilang kelayakan dan sekatan daripada melibatkan diri dalam larian ini tanpa pemulangan bayaran daripada pihak penganjur.
9. Peserta adalah **DIWAJIBKAN** memakai Jersi UTHM Mini Marathon2024 yang telah diberikan kepada peserta. Peserta adalah **tidak dibenarkan** menyertai larian jika tidak memakai jersi tersebut.
10. Medal & E-Sijil
Akan diberikan selepas peserta menamatkan larian.
11. Penamat larian: Larian tamat secara rasmi selepas **1 Jam 30 minit** pertandingan bermula.



12. Nombor Larian

- a. Semua peserta akan diberikan 1 helai kain yang bercetak iaitu nombor larian dan perlu dilekatkan di bahagian hadapan baju peserta.
- b. Semasa larian, semua peserta dikehendaki memakai nombor yang telah diberikan
- c. Peserta yang tidak memakai nombor larian yang telah diberikan, dibenarkan berlari tetapi **tidak layak** memenangi mana-mana hadiah yang disediakan oleh pihak penganjur.
- d. Pertukaran nombor larian dan sebarang penggantian peserta tidak dibenarkan.

13. Hadiah

- a. Tempat Pertama : RM 300.00
- b. Tempat Kedua : RM 200.00
- c. Tempat Ketiga : RM 100.00
- d. Tempat ke-4 hingga ke-13 : RM 50.00 (campuran)
- e. Cabutan Bertuah (Nombor cabutan bertuah akan mengikut pada nombor bib larian peserta)

14. Kaunter minuman

Disediakan di satu checkpoint larian (km 2.8)

15. Pampasan peserta

- a. Langkah – langkah keselamatan bagi setiap peserta adalah di bawah seliaan pihak penganjur, sebarang kecederaan peserta semasa latihan dan larian sedang berlangsung adalah tanggungjawab peserta sendiri.
- b. Peserta digalakkan untuk membuat pemeriksaan kesihatan atau berunding dengan perunding kesihatan sebelum menyertai larian ini.

16. Masalah Kesihatan

- a. Mana - mana peserta berdaftar dan mempunyai masalah kesihatan semasa hari kejadian akan dikecualikan daripada larian.
- b. Peserta yang sakit/tercedera semasa larian akan dihantar ke mana – mana pusat kesihatan yang terdekat. Kos perubatan adalah tanggungjawab peserta sendiri.



17. Insurans peserta

- a. Larian ini tidak akan melindungi peserta dari segi insuran liabiliti awam dan insuran kemalangan diri.
- b. Segala risiko dan kemalangan yang membabitkan peserta dalam larian ini adalah tanggungjawab peserta sendiri. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas segala kerugian yang membabitkan kecederaan tubuh badan, kerosakan harta benda sama ada yang peribadi atau awam, atau apa – apa masalah yang timbul semasa program ini.
- c. Peserta disyorkan untuk mempunyai insuran kemalangan peribadi atau insuran kesihatan dalam program ini.

18. Hak Sebagai Penganjur

- a. Untuk menghadkan atau menambah atau menolak penyertaan.
- b. Jika terdapat sebarang keraguan dalam mana-mana penyertaan peserta, penganjur hendaklah menjadi pihak yang berkuasa untuk melakukan tindakan. Pihak penganjur juga akan mengambil kira kepentingan semua peserta yang terlibat.
- c. Sekiranya program ini telah dibatalkan atas sebab – sebab tertentu, iaitu berlakunya kejadian yang tidak dapat dikawal daripada pihak penganjur yang boleh menyebabkan program ini tidak selamat untuk diadakan, maka pihak penganjur tidak akan memulangkan segala yuran penyertaan dan lain – lain perkara yang telah diberikan tidak perlu dipulangkan kepada penganjur melainkan pihak penganjur merasakan tuntutan yang dilakukan berpadanan dengan kesilapan dan kehilangan yang berpunca daripada pihaknya sendiri.
- d. Pihak penganjur berhak untuk menambah atau mengurangkan kategori yang dipertandingkan tanpa sebarang notis kepada peserta. Sebarang notis akan dimaklumkan.
- e. Pihak penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan peserta yang tidak mengikut peraturan sepanjang program dan sebarang tuntutan bayaran tidak akan dilayan.
- f. Pihak penganjur berhak untuk menggunakan segala bahan termasuk gambar, rakaman, atau apa – apa sahaja bahan rekod yang lain untuk tujuan komersial dan lain – lain kegunaan.
- g. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan, kemalangan, kematian atau kehilangan harta benda atas kecuaiannya peserta itu sendiri.
- h. Pihak penganjur berhak untuk mengubah atau menggantikan mana – mana syarat larian ini dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkan patut diubah atau diganti. Jika terdapat kekiliruan dalam mana – mana peruntukan ini, pihak penganjur berhak untuk mentafsir dalam berbuat demikian, mereka akan mengambil kira kepentingan peserta yang terjejas. Apa apa pindaan kepada syarat – syarat akan dimaklumkan melalui website program
- i. Pihak penganjur berhak untuk meminda laluan sekiranya mereka dapati ia patut dilakukan atas sebab keselamatan peserta dan/atau untuk mengelakkan sebarang bahaya yang mungkin akan timbul ketika acara larian ini berlangsung pada bila bila masa sahaja.



19. Pembatalan

Program ini akan terbatal jika:

- a. Sebelum program
 - I. Bencana alam (banjir, gempa bumi dan sebagainya).
 - II. Jerebu (bergantung pada notis daripada Kementerian Kesihatan Malaysia atau Kerajaan Malaysia)
 - III. Hujan lebat dan kilat
 - IV. Perintah Darurat
 - b. Semasa program
 - I. Bencana alam (banjir, gempa bumi dan sebagainya).
 - II. Hujan lebat dan kilat
PENGANJUR BERHAK MENUKAR ROUTE LARIAN JIKA KEADAAN CUACA TIDAK MENGIZINKAN.
20. Jika berlaku seperti di atas, semua hadiah yang ditawarkan akan ditukar ke cabutan bertuah dan nilainya ditetapkan oleh pihak penganjur.
21. Selain mematuhi syarat – syarat larian ini, peserta dikehendaki mematuhi semua peraturan – peraturan lain (negara, negeri, universiti, kolej kediaman) semasa mengambil bahagian dalam acara ini.
22. Tiada Pemulangan Wang oleh pihak penganjur jika Peserta gagal hadir pada hari program. Peserta hanya boleh menuntut jersi larian sahaja. manakala medal hanya untuk peserta yang tiba di garisan penamat sahaja.

21. Peta larian

